PERBADANAN LABUAN
PETI SURAT 81245
87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan, dipelawa untuk memohon jawatan di Perbadanan Labuan seperti berikut:-

1. JAWATAN : PEGAWAI PENILAIAN

GRED	:	W41
KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN KEWANGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARAF JAWATAN	:	TETAP
BILANGAN KEKOSONGAN	:	1 KEKOSONGAN
JADUAL GAJI	:	

Peringkat	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
P1	RM1,924.18	RM5,523.51	
P2	RM2,032.67	RM5,839.53	RM225.00
P3	RM2,145.88	RM6,163.59	

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

   a) ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan (Harta Tanah) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
   [Gaji permulaan P1 : RM2,339.29] dan

   b) lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penilaian adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk KPSL ke jawatan Pegawai Penilaian Gred W41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :

i) mempunyai kelayakan di atas; atau

ii) lulus Peperiksaan Ikhtisas Bahagian I, Bahagian II dan Bahagian III anjuran Lembaga Penilai dan Penaksir Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan

iii) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan .

DESKRIPSI TUGAS

Tugas utama ialah membuat ukur periksa, menyelidik dan menganalisis butir-butir mengenai harta tanah bagi tujuan menyediakan laporan penilaian. Di samping itu menyelia dan melatih kakitangan bawahan.

2. JAWATAN : JURUAUDIT

GRED	:	W41
KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN KEWANGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARAF JAWATAN	:	TETAP
BILANGAN KEKOSONGAN	:	1 KEKOSONGAN
JADUAL GAJI	:	

Peringkat	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
P1	RM1,924.18	RM5,523.51	
P2	RM2,032.67	RM5,839.53	RM225.00
P3	RM2,145.88	RM6,163.59	

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   i) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
   [Gaji Permulaan P1 : RM2,131.73]; atau

   ii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
   [Gaji Permulaan P1 : RM2,650.63]; atau

   iii) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.
   [Gaji Permulaan P1 : RM2,650.53]; atau

   iv) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
   [Gaji Permulaan P1 : RM2,754.41]; dan

   v) Ahli Penuh Malaysia Institut Akauntan Malaysia
   [Gaji Permulaan P1 : RM2,858.19]

   vi) lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Juruaudit adalah layak dipertimbang untuk KPSL ke jawatan Juruaudit Gred W41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;

i) mempunyai kelayakan di atas; atau

ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

iii) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan .

DESKRIPSI TUGAS

Mengaudit dan menyediakan draf Laporan Audit, Akaun-akaun

3. JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI PENERANGAN

GRED	:	S27
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	SOSIAL
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	SOKONGAN
TARAF JAWATAN	:	TETAP
BILANGAN KEKOSONGAN	:	1 KEKOSONGAN
JADUAL GAJI	:	

Peringkat	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
P1	RM1,361.14	RM3,565.62	
P2	RM1,439.77	RM3,775.97	RM145.00
P3	RM1,521.80	RM3,992.94	

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

   a) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
   [Gaji Permulaan P1 : RM1,361.14]

   b) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
   (Gaji permulaan P1 : RM1,361.14);

   c) Diploma dalam bidang Pentadbiran Awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
   (Gaji permulaan P1 : RM1,661.95)

d) Diploma Komunikasi dan Media yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
(Gaji permulaan P1 : RM1,661.95)

e) lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penerangan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa melantik berkenaan untuk KPSL ke jawatan Penolong Pegawai Penerangan Gred S27 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;

i) mempunyai kelayakan di atas; atau
ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
iii) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan .

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan aktiviti dan objektif Jabatan, menjalankan tugas didalam pengurusan aduan awam, penyediaan Buku Laporan Tahunan, urusan sambutan dan protocol majlis, pengurusan media, membantu penerbitan Buletin Jabatan, pengurusan lawatan Jabatan dan menyediakan laporan-laporan dan analisa-analisa berhubung dengan isu-isu semasa.

CARA MEMOHON

a) Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan yang boleh didapati dengan datang sendiri ke Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Wisma Perbadanan Labuan, W. P. Labuan. Maklumat jawatan kosong serta Borang Permohonan Jawatan juga boleh didapati melalui Laman Web: **www.pl.gov.my**

b) Pemohon yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan mestilah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing beserta **Laporan Nilaian Prestasi Tahunan yang terkini dan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini**;

c) **Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar, salinan kad pengenalan, sijil lahir, sijil-sijil persekolahan, sijil berhenti sekolah, sijil kegiatan luar, kelulusan akademik, transkrip keputusan peperiksaan semua semester dan dokumen-dokumen lain yang telah diakui sah dari salinan asal;**

d) Sila nyatakan jawatan yang dipohon di penjuru kiri sampul surat dan borang yang lengkap diisi hendaklah dikembalikan pada atau sebelum _____ ke alamat berikut:

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN LABUAN
WISMA PERBADANAN LABUAN
JALAN DEWAN
PETI SURAT 81245
87022 W.P. LABUAN
(U/P: JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)

e) Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan ke Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Perbadanan Labuan dengan menghubungi talian 087-581817, 581819, dan 581814;

f) Permohonan yang **lewat, tidak lengkap seperti yang dinyatakan di para (c) di atas atau tidak mengikut syarat-syarat** tersebut akan ditolak;

g) Hanya calon yang **layak selepas tapisan sahaja** akan dipanggil untuk temu duga;

h) Pemohon-pemohon yang **tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya; dan

i) Pihak Perbadanan Labuan tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temu duga dan penghantaran borang permohonan jawatan.